



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG **PERATURAN 38(b)**

**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di kementerian / jabatan di mana kekosongan jawatan diiklankan sahaja.**

**KETUA PENYELIA SIMPANAN DARAH (M.9 EB.10)  
JABATAN PERKHIDMATAN MAKMAL  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

=====  
**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat **di Kementerian Kesihatan.**
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana- mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



- |  |
|--|
| <p>1. <b>KETUA PENYELIA SIMPANAN DARAH<br/>JABATAN PERKHIDMATAN MAKMAL<br/>KEMENTERIAN KESIHATAN<br/>M.9 EB.10 (\$2,035 - \$3,030 SEBULAN)<br/>KEKOSONGAN= SATU (01)</b></p> |
|--|

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) *BDTVEC / BTEC* Diploma Tertinggi Kebangsaan (*HND*) atau sebanding dalam bidang Teknologi Sains Makmal Perubatan atau bidang bersesuaian.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Kementerian Kesihatan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji M.8 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji M.7 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.
2. Berpengalaman dalam kerja-kerja berkaitan dengan Pusat Simpanan Darah adalah kelebihan.
3. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Bertanggungjawab dalam menjalankan tugas-tugas yang berkaitan dengan tugas menyelia simpanan darah dan apa-apa saja tugas yang diarahkan atau dipertanggungjawabkan oleh Ketua Pegawai Saintifik;
2. Bertanggungjawab dalam memastikan kesempurnaan pengutipan darah dengan mengawasi pengawalan mutu kutipan yang dikendalikan;
3. Bertanggungjawab menyediakan jadual bulanan kempen simpanan darah;
4. Bertugas *on call* atau panggilan kecemasan di luar waktu-waktu pejabat dan pada hari-hari kelepasan menurut jadual yang ditetapkan oleh bahagian makmal;



5. Bertanggungjawab membantu mengendalikan latihan kakitangan makmal, Jururawat, Merinyu Kesihatan serta penuntut-penuntut yang sedang menjalani latihan penempatan di bahagian makmal-makmal berkenaan;
6. Bersedia untuk ditempatkan dan bertugas di mana-mana makmal hospital daerah atau klinik kesihatan; dan
7. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang diarahkan oleh Pegawai atasan dari semasa ke semasa.